

[HEBAHAN]

MAJLIS PENYERAHAN LESEN PREMIS YANG DITETAPKAN (PYDT) NEGERI MELAKA

Pembentangan Report Card (Pematuhan) dan Sesi Latihan Hands-on Sistem MYPREMIS

25 MEI 2023, MELAKA - Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka bersama-sama Kelab KESMA akan menganjurkan Majlis Penyerahan Lesen PYDT Negeri Melaka pada 30 Mei 2023 (Selasa). Satu pembentangan report card berkenaan status pematuhan premis-premis yang terlibat akan diadakan selain sesi latihan hands-on sistem MYPREMIS akan dilaksanakan. Majlis ini merupakan salah satu program yang diadakan oleh KESMA bersempena Hari Alam Sekitar Sedunia (WED) peringkat negeri Melaka. Premis-premis yang bukan merupakan PYDT selain perunding, pemaju serta orang awam turut dijemput untuk mendaftar untuk menyertai program ini bagi menimba ilmu dan mendapatkan maklumat terkini Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka. Maklumat pendaftaran adalah seperti di e-poster dilampirkan. Pameran Jabatan Alam Sekitar, kaunter aduan dan pendaftaran ahli RAS turut akan diadakan. Jom daftar segera kerana tempat adalah terhad.

#KementerianSumberAsliAlamSekitarDanPerubahanIklim

#JabatanAlamSekitar

#jasnegerimelaka

#AlamSekitarTanggungjawabBersama

#KESMA2023